

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
SELAKU YANG DIPERTUA BAKTI
DI MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT
AGUNG BAKTI YANG KE-23
DI SERI PERDANA, PUTRAJAYA
PADA HARI SELASA, 11 JULAI 2000
JAM 2.30 PETANG**

Pada kali ini, marilah kita benar-benar merafakkan kesyukuran yang ikhlas dan mendalam kehadiran Ilahi, lain sembah-sembah kesyukuran dari yang lampau, kerana kita berada di sini bukan sahaja dalam keadaan aman, tetapi dengan hati dan fikiran yang terang, legar, insaf, sedar dan amat bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Kita bersyukur kerana suasana ketegangan kembali pulih setelah akhirnya peristiwa di Grik dan Sauh, Perak, dengan jayanya. Syukur Alhamdulillah, ya Allah, ya Rahim.

2. BAKTI mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pasukan Keselamatan kita - P.D.R.M. dan ATM - kerana cepat bertindak dengan tegas untuk mematahkan tindakan puak pelampau dan mendapat semula senjata yang dicuri. Syabas atas keberanian mereka. Semoga Tuhan memberi rahmat dan ganjaran yang tinggi kepada yang terlibat.

3. Sambil itu, BAKTI mengucapkan takziah dan perasaan amat sedih kepada keluarga anggota PDRM dan ATM yang telah terkorban dalam peristiwa ini. BAKTI membantah dengan sekeras-kerasnya pembunuhan wira-wira bangsa kita ini oleh puak pelampau yang amat kejam dan melanggar ajaran Islam, agama mereka menganuti sendiri. Tuhan sahajalah membalas jasa-jasa wira-wira bangsa kita Commando Mathews dan Det. Korporal Sagadevan. Mereka akan sentiasa diperingati pada Hari-hari Pahlawan dan Hari Peringatan oleh rakyat Malaysia. BAKTI berharap keluarga-keluarga mereka akan bersabar dan tenang, dan menyerahkan kepada Maha Berkuasa dan Maha Esa untuk bertindak terhadap pembunuh mereka.

4. Saya menyentuh mengenai peristiwa Grik dan Sauh ini kerana ingin memperingati diri saya dan juga saudara-saudari sekalian betapa pentingnya keamanan, perpaduan dan toleransi antara kaum berbilang agama, budaya dan bahasa. Tanpa keamanan dan perpaduan, tiada kestabilan politik dan Kerajaan, tiada para suami kita dalam Kerajaan. tiada BAKTI ujud untuk isteri-isteri membalas budi kepada masyarakat yang memilih para suami menjadi Wakil Rakyat dan membalas budi juga kepada Pasukan Keselamatan yang menjaga keamanan dan kedaulatan negara tercinta ini. Oleh itu, perhimpunan kita pada Majlis ini amatlah besar ertinya kerana kesyukuran yang kita lafazkan kali ini haruslah benar, tulin, ikhlas kepada Tuhan yang Maha Esa.

5. Saya mengalu-alukan kedatangan anda semua dan mengucapkan terima kasih. BAKTI berusia 23 tahun kini dan ahli-ahlinya kian bertambah. Aktiviti-aktiviti BAKTI baik untuk masyarakat sasaran BAKTI ataupun ahli-ahlinya sendiri berjalan seperti dahulu sungguhpun saya mengakui bahawa sejak bulan November 1999, ada aktiviti yang tidak begitu rancak kerana berbagai perubahan.

6. Laporan aktiviti-aktiviti BAKTI sepanjang sesi 1999/2000 jelas dalam laporan AGM yang diberi kepada ahli-ahli. Memadailah saya nyatakan di sini bahawa BAKTI berpegang teguh kepada dasar-dasar untuk perbelanjaan dan penaburan derma kepada sasaran BAKTI dan tidak mengabaikan prihatinan BAKTI kepada mereka yang memerlukan bantuan. Sejumlah RM 363,400.00 diberi bantuan kepada mangsa-mangsa bencana alam. RM2.107 juta untuk bantuan kebajikan am dan RM 1.343 juta sebagai dermasiswa BAKTL

7. Untuk merapatkan BAKTI kepada masyarakat secara perhubungan mesra, BAKTI telah melawat Rumah-rumah Kebajikan Orang-orang Tua pada Hari Perayaan dan meraikan kanak-kanak istimewa pada Hari Kanak-kanak BAKTL Hari Pahlawan dan Pasukan Keselamatan Negara tidak dilupakan setiap tahun.

8. Pada bulan Ogos ini, Insya-Allah, akan siap Kompleks Penyayang BAKTI yang dibina bersama antara Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, pihak swasta dan BAKTI. Di kompleks ini akan ditempatkan kanak-kanak yatim dengan ibu angkat terdiri dari Ibu Tunggal dan orang-orang tua. Diharap kampung kecil ini akan memberi suasana kekeluargaan untuk ketiga-tiga golongan masyarakat di situ.

9. Mesyuarat Agong BAKTI sentiasa mengundang tetamu-tetamu Kehormat dari wanita negara yang terkemuka dalam beberapa bidang. Sejak awal 1980 lagi, BAKTI telah mengundang Menteri-Menteri Wanita, wanita julung-julung sekali berjawatan tinggi umpamanya

- a. Duta di Luar Negara - Ms P.G. Lim;
- b. Pakar Bahasa dalam -Institusi Bahasa - Prof. Asmah;
- c. KSU - Tan Sri Noraizah Hamid
- d. Ketua Pengarah Pendidikan— Dato Asiah Abu Samah
- e. Puan Azah Aziz - pakar / perunding dalam bidang kebudayaan dan Arts;
- f. Solicitor Gen. Wanita yang pertama - Dato' Heliliah
- g. Aerospace Physicist - Ketua Pengarah Sains - Dato Dr Mazlan Ahmad
- h. Colonei Wanita pertama dalam A.T.M. - Colonel Dr. Rashidah seorang pakar Pergigian di MINDEF

10. BAKTI amat berbangga dengan adanya wanita memegang jawatan-jawatan ini bagi pertama kali dan berasa terhormat dengan kehadiran mereka merasmikan Mesyuarat Agong BAKTI.

11. Pada tahun ini, BAKTI diberi kehormatan oleh seorang wanita yang bukan sahaja wanita yang pertama dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia, malahan yang pertama di Asean, Di Asia, bahkan di dunia. Jika sesiapa juga melihat wajah tetamu kita, mereka tidak akan percaya. Maybe as Governor of a prestigious School Board of Management but when she was introduced at the Cairo International Airport as the Governor of the Central Bank of

Malaysia, "Oh my God!" an Egyptian journalist shouted and instantly booked our guest for a 15 minutes interview. It was a scoop for the journalist!

12. Dato Dr. Zeti Akhtar Aziz comes from a very distinguished family – her father Royal Professor Ungku Aziz in Economics in University Malaya and her mother Puan Azah Aziz a renowned consultant and exponent in traditional arts and culture. Dr. Zeti had the correct genes and DNA to start with for she inherited the beauty and charm of her mother and the brains of both, predominantly paternal because Dr. Zeti followed her father's footsteps in distinguishing herself in Economics both in University Malaya in 1970 and in University of Pennsylvania, USA in 1974 and 1978 obtaining M.A. and Ph.D in Economics respectively.

13. Upon completing her doctorate, Dr. Zeti was recruited by the late Tun Ismail AH to work at the South East Asian Central Bank Research and Training Centre (SEACEN) from 1979 – 1984 as a research economist, conducting research in the area of financial policies and reforms in the South East Asian region. Dr. Zeti wrote extensively in the area of monetary and financial economics, capital flows and macroeconomic management during this period. She also worked closely with the Central Banks in the region.

14. Dr. Zeti joined the Economics Department in Bank Negara Malaysia in 1985. During this period, Dr. Zeti was part of the policy team in Bank Negara Malaysia to bring Malaysia out of the 1985 recession and the financial reforms thereafter. In 1987, she was appointed Secretary to the Board of the Bank. In 1989, she was posted to the Bank Negara Malaysia London Representative Office as the Chief Representative. Upon returning to the Head Office in 1994, she was appointed Head of the Economics Department. In 1995, she was appointed Assistant Governor responsible for Economics, Banking and Exchange Control Departments. On September 1, 1998 she led the Bank Negara team in the successful implementation of the exchange controls. She was also involved in the setting up of Danaharta and Danamodal. In the international financial affairs, she has represented Malaysia on issues related to the International Financial Architecture and on international and regional economic financial relations.

5. Tidak hairanlah kita, manakala Dr. Zeti dilantik sebagai Deputy Governor pada September 1998, dan kepada kemuncak kerjayanya yang cemerlang sekaii, pada 1 May 2000, eliau dilantik sebagai Governor Bank Negara Malaysia. Ini adalah suatu pengiktirafan kepada ebolehan wanita Malaysia memajukan diri dalam bidang dan jawatan yang terdahulunya ikongkong oleh kaum lelaki sahaja.

16. Syabas dan tahniah BAKTI ucapkan kepada Dato Dr. Zeti sebagai seorang yang mempunyai suami dan dua anak dan mernegang pula jawatan yang begitu penting, mungkin kita dapat mendengar sedikit rahsia bagaimana ketiga jawatan ini dapat Dr. Zeti selaraskan.

17. BAKTI mendoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada tetamu kehormat BAKTI Dato Dr Zeti Akhtar Aziz supaya beliau terus menjadi contoh yang unggul kepada kaum wanita Malaysia dan dunia.

8. Dengan itu saya ucapkan sekali lagi terima kasih kerana mernberi kehormatan kepada BAKTI hari ini dengan merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI yang ke-23.
